

PIACCF bantu bela nasib pegawai agensi antirasuah yang teraniaya
AstroAwani
12 Februari 2020
Madiha Abdullah,

KUALA LUMPUR: Enam puluh sembilan peratus daripada pemberi atau pendedah maklumat salah laku didapati hilang punca pendapatan mereka, menurut bekas Pengerusi Transparency International Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar.

Realiti ini, katanya, memerlukan inisiatif seperti Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation (PIACCF) yang dilancarkan pada Selasa, untuk menyalurkan bantuan kepada petugas agensi anti-rasuah di seluruh dunia.

"Ada pemberi maklumat yang dibunuh, malah ada yang disimbah asid dan ada juga yang kehilangan pekerjaan mereka.

"Berdasarkan satu kajian, 69 peratus daripada pemberi maklumat hilang punca pendapatan. Oleh itu, saya merasakan dana sebegini penting bagi mereka," katanya pada program 'Consider This' di Astro AWANI 501 malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation (PIACCF) yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada pegawai-pegawai agensi anti-rasuah yang jadi mangsa penganiayaan ketika menjalankan tugas.

Pengenalan yayasan ini menjadikan Malaysia antara negara paling hadapan dalam usaha memerangi rasuah.

Dana ini diwujudkan selaras dengan perkara yang dinyatakan dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Berkenaan Pencegahan Rasuah (UNCAC).

Ia bagi memberi perlindungan kepada pegawai penguatkuasa agensi anti-rasuah bagi negara-negara yang menjadi ahli kepada Pertubuhan Pihak Berkuasa Pencegahan Rasuah Antarabangas (IAACA).

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/piaccf-bantu-bela-nasib-pegawai-agensi-antirasuah-yang-teraniaya-230470>